



## MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

### IKLAN JAWATAN KOSONG

**TARIKH BUKA IKLAN: 11 JUN 2024**

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) sebuah Pihak Berkuasa Tempatan mempelawa warganegara Malaysia **berumur tidak kurang dari 18 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:

<b>JAWATAN</b>	<b>: PENOLONG ARKITEK LANDSKAP GRED JA29</b>
KLASIFIKASI	: Kejuruteraan
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: Pelaksana
TARAF JAWATAN	: Tetap
BILANGAN KEKOSONGAN	: 1
JADUAL GAJI	: <b>Gaji Minimum</b> <b>Gaji Maksimum</b> RM1,549.00                              RM 5,701.00
1. SYARAT LANTIKAN	: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: (i) Sijil dalam bidang teknologi landskap yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. <b>(Gaji permulaan pada Gred JA29:RM1,549.00); atau</b> (ii) Sijil dalam bidang perancang bandar, kejuruteraan awam (seni bina) atau seni bina yang diiktiraf yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. <b>(Gaji permulaan pada Gred JA29:RM1,549.00); atau</b> (iii) Diploma dalam bidang <b>seni bina landskap</b> yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. <b>(Gaji permulaan pada Gred JA29 :RM1,935.02)</b>
2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU	: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau Kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3. KEUTAMAAN	: Anak Kelahiran Melaka

**CARA MEMOHON:**

1. Semua permohonan hendaklah dibuat secara atas talian melalui Sistem Permohonan Jawatan MBMB (e-rekrut) sepenuhnya dengan melayari <http://e-rekrut.mbmb.gov.my/>
2. Semua permohonan hendaklah diisi dengan lengkap disertakan salinan dokumen yang diperlukan berserta dengan gambar formal terkini dan berukuran passport (Gambar swafoto/selfie tidak dibenarkan). Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
3. Pemohon hendaklah mengemukakan maklumat perhubungan (nombor untuk dihubungi dan alamat emel) yang terkini.
4. Permohonan yang lewat diterima dan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

**UJIAN BERTULIS:**

1. Calon-calon yang layak perlu menduduki Ujian Bertulis yang akan dimaklumkan tarikhnya kemudian.
2. Hanya calon yang berjaya dalam Ujian Bertulis tersebut sahaja akan dipanggil untuk menghadiri peringkat temuduga.

**TARIKH TUTUP IKLAN: 17 JUN 2024**

Sebarang pertanyaan boleh emailkan kepada [rekrut@mbmb.gov.my](mailto:rekrut@mbmb.gov.my)

**PERINGATAN:**

- 1) Selain daripada syarat dan keutamaan yang dinyatakan di dalam iklan, calon yang memohon juga dikehendaki untuk mematuhi perkara berikut:
  - a. Calon adalah sihat untuk berkhidmat;
  - b. Tidak mempunyai apa-apa rekod jenayah;
  - c. Tidak pernah dibuang kerja;
  - d. Bukan penagih dadah;
  - e. Tidak memiliki kewarganegaraan asing,
  - f. Bukan seorang bankrap;
  - g. Tidak dibersarakan atas sebab kesihatan; dan
  - h. Tidak pernah ditamatkan perkhidmatan dari perkhidmatan awam.
- 2) Calon yang dilantik perlu akur terhadap penempatan/tempat bertugas yang ditentukan dari semasa ke semasa demi kepentingan MBMB.